

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 21

## Kerajaan pastikan hanya kumpulan kecil dikenakan SST

# Kerajaan pastikan hanya kumpulan kecil dikenakan SST

### Jika GST dilaksana semua rakyat kena bayar cukai kepenggunaan

Oleh Māhanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Kerajaan sebaik mungkin hanya ingin mencukai kumpulan yang paling kecil menerusi Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berbanding melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang menyebabkan semua 30 juta rakyat Malaysia perlu membayar cukai kepenggunaan itu, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, jumlah syarikat yang perlu membayar SST dijangka meningkat sedikit berikutan pertambahan tiga bidang perkhidmatan baharu, namun jumlahnya diperakui lebih kecil berbanding jika cukai itu ditukar kepada GST.

Katanya, SST bukan sesuatu yang baharu, sebaliknya ia adalah

satu cukai yang lama dilaksanakan dan ia bukan sesuatu perkara yang berlaku ketika Kerajaan Perpaduan.

Jelasnya, akta itu sememangnya sudah ada dari dulu dan mana-mana syarikat yang mencapai syarat perlu membayar SST.

"Memang prosesnya dari satu tahun ke tahun ketika belanjawan, kerajaan berhak menentukan perkhidmatan dan barang mana tertakluk kepada cukai dan kadarnya.

"Sebaik mungkin, kita hanya ingin mencukai kumpulan yang paling kecil dan kalau kita buat GST semua 30 juta rakyat Malaysia kena bayar," katanya pada Episod 3 Podcast Yang Bakar Menteri (YBM) yang disiarkan di platform media sosialnya.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, SST sebelum ini hanya melibatkan 500,000 syarikat, namun dengan ada pertambahan tiga bidang perkhidmatan yang baharu, ia bermakna jumlahnya akan bertambah sedikit.

Namun, beliau menjelaskan, jumlah mereka yang perlu membayar cukai itu

masih begitu kecil berbanding jika cukai tidak langsung ini ditukar kpd GST.

"Itu pendekatan yang kerajaan buat sekarang ini daripada kita mencukai semua tetapi memberi tumpuan kepada cukai atau kumpulan di mana cakupan cukai adalah terhad dalam kumpulan tertentu.

"Dalam kes SST ini adalah kepada syarikat dan pengguna yang menggunakan perkhidmatan tertentu," katanya.

### Tidak bebankan rakyat

Dalam Belanjawan 2024, kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar cukai perkhidmatan kepada

lapan peratus berbanding enam peratus berkuat kuasa pada 1 Mac ini.

Namun, agar tidak membebankan rakyat, kerajaan berkata, peningkatan itu tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi.

Kerajaan juga akan meluaskan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, penjenjangan, penajaminan dan ka-rao-ke.

Mengikut laporan, kerajaan dijangka menjana pendapatan cukai perkhidmatan tambahan sebanyak RM900 juta pada tahun ini berikutan rancangannya untuk

menaikkan kadar cukai perkhidmatan kepada lapan peratus daripada enam peratus serta meluaskan skop perkhidmatan bercukai itu.

Ketua Bahagian Percukaian Deloitte Malaysia, Sim Kwang Gek, sebelum ini dilaporkan berkata 'kesan segera kepada perniagaan ialah peningkatan kos menjalankan perniagaan kerana kenaikan cukai perkhidmatan akan disalurkan kepada pengguna dan perniagaan pada akhirnya.

"Seperti yang kita sedia maklum, rejim cukai jualan dan perkhidmatan mempunyai kesan 'cukai ke atas cukai' dan akan menyebabkan harga lebih tinggi.

"Bagi menampungnya, kerajaan diharap akan memperluaskan pengecualian perniagaan ke perniagaan yang kini terpakai kepada perkhidmatan bercukai tertentu yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Percukaian PwC Malaysia, Jagdev Singh, berpandangan bahawa kenaikan cukai perkhidmatan nampaknya satu langkah sementara sehingga kerajaan bersedia untuk melaksanakan cukai penggunaan secara meluas dalam bentuk GST.

Itu pendekatan yang kerajaan buat sekarang ini daripada kita mencukai semua tetapi memberi tumpuan kepada cukai atau kumpulan di mana cakupan cukai adalah terhad dalam kumpulan tertentu



Rafizi Ramli,  
Menteri Ekonomi

## Usaha memperkukuh nilai ringgit ambil masa

Banyak usaha dilaksanakan kerajaan untuk menyokong ringgit tetapi ia mengambil masa untuk melihat hasilnya, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, penstrukturan semula ekonomi, pengukuhan fiskal dan mengurangkan hutang adalah usaha kerajaan mengukuhkan ekonomi bagi menarik kemasukan dan meningkatkan keyakinan pelabur ke negara ini, sekali gus akan menyokong prestasi mata wang tempatan itu.

Katanya, usaha menstruktur semula ekonomi, mengukuhkan fiskal dan mengurangkan hutang adalah tanggungjawab kerajaan yang

akan dilihat boleh meyakinkan pelabur dan pedagang terhadap ekonomi negara.

"Bila mereka (pelabur dan pedagang) lebih yakin bahawa

keadaan lebih kukuh berbanding sebelum ini. Keyakinan itulah yang akan membawa masuk balik pelaburan portfolio kewangan dan (dengan) eksport lebih baik, itu juga akan meningkatkan ringgit," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas usaha yang dilakukan kerajaan untuk menaikkan nilai ringgit dalam Episod 3 Podcast Yang Bakar Menteri (YBM) yang disiarkan di platform media sosialnya.

Rafizi berkata, terdapat faktor luaran yang mempengaruhi prestasi ringgit dalam jangka pendek iaitu ketidaktentuan di Amerika Syarikat (AS) dan China.

Beliau berkata, di AS, kadar faedahnya lebih tinggi berbanding di negara ini, sekali gus keadaan itu mempengaruhi aliran wang untuk masuk ke ekonomi terbesar dunia itu.

Manakala di China pula, jelasnya, ekonomi kedua terbesar dunia itu pula sedang melalui fasa ekonomi berkembang perlahan daripada dijangkakan iaitu empat hingga lima peratus berbanding lapan hingga sembilan peratus sebelum ini.

Justeru, katanya, keadaan itu memberi kesan kepada mata wang tempatan dan ia adalah di luar kawalan kerajaan.

"Kesan atau pengaruh jangka pendek (yang mempengaruhi nilai ringgit) semua orang sudah

tahu adalah akibat ketidaktentuan yang berlaku di dua ekonomi utama dunia iaitu AS dan China yang ada kesan besar kepada kita.

"Kita juga ada masalah jangka panjang. Ekonomi kita terbantut dalam perangkap pendapatan pertengahan. Nilai ekonomi yang dijana tidak boleh dinaikkan daripada (paras) itu.

"Kita kena bersabar dan tumpu kepada menstruktur ekonomi kita supaya tiga hingga empat tahun akan datang industri dan syarikat yang boleh menawarkan potensi pulangan lebih baik dan ini akan menarik minat ke Malaysia. Lagi banyak menarik minat ke Malaysia, maka lebih banyak wang masuk dan ringgit akan naik," katanya.

